

## BIDANG KUASA HIBAH DI MAHKAMAH SYARIAH DI MALAYSIA

Nasrul Hisyam bin Nor Muhamad \*

### ABSTRACT

*'Hibah' (gift inter vivos) is a matter relating to muslims and regulated by Islamic law. Current situation shows that the principle of hibah is applied in various commercial fields which need to the resolution of the highlighted issues pertaining to the court's jurisdiction. This article tries to analyze the jurisdiction of Shariah Courts in hearing the hibah cases in Malaysia. The article also discusses the main issues of the matter. The study is based on the relevant statutory, provisions, reported cases as well as the views of some of the authoritative persons in this area.*

**Keywords:** *Islamic Law; Hibah; Shariah Courts Jurisdiction*

### PENDAHULUAN

Perkara berkaitan bidang kuasa adalah penting dalam sesebuah sistem perundangan negara. Penentuan bidang kuasa sesuatu mahkamah yang mengadili sesuatu kes, akan memberi kesan kepada pengadilan sesuatu kes tersebut. Dalam hal ini, Muḥammad Salam Madkūr menjelaskan:

“Bidang kuasa mengikut jenis kes ialah pemerintah mengkhususkan bidang kuasa ke atas seseorang Hakim semasa perlantikan Hakim itu atau selepas perlantikan dibuat dengan menentukan bahawa Hakim

---

\* Lecturer, at Centre for Islamic Studies and Social Development, Universiti Teknologi Malaysia, 81310 Skudai; Ph.D Candidate at University of Malaya. E-Mail: nas\_h2003@hotmail.com.

itu mempunyai bidang kuasa tertentu sahaja seperti diberi bidang kuasa bagi mengendalikan undang-undang diri, undang-undang sivil, undang-undang perdagangan atau bagi undang-undang jenayah dan seumpamanya; oleh yang demikian Hakim itu hanya berbidang kuasa bagi kes-kes yang dianya diberi bidang kuasa sahaja dan Hakim itu tidak boleh melaksanakan bidang kuasa lain yang tidak diberi kepadanya”<sup>1</sup>

Dalam sistem penghakiman Islam, seseorang Hakim itu merupakan naib khalifah kepada khalifah (penguasa negara) yang melantiknya. Sebagai naib khalifah, kuasa yang diperolehinya adalah setakat yang diberi mandat kepadanya. Dari sinilah bidang kuasa seseorang Hakim itu menerima *taqyīd* (pembatasan), *iṭlāq* (tanpa had), umum dan khusus dari segi masa, tempat, pihak yang bertikai dan jenis-jenis pertikaian. Para fuqaha menggunakan istilah *al-taqīd al-‘ām wa al-taqīd al-khaṣ* bagi menunjukkan bidang kuasa seseorang Hakim. Apabila khalifah melantik seseorang Hakim untuk satu-satu daerah bagi menghakimi penduduknya dalam semua jenis pertikaian sama ada sivil mau pun jenayah dalam semua waktu, maka Hakim yang sebegini lantikannya mempunyai bidang kuasa umum. Apabila khalifah melantik seseorang Hakim dengan beberapa ikatan tertentu dari segi tempat atau masa atau jenis-jenis kes dan pertikaian atau jenis-jenis orang yang bertikai, maka Hakim tersebut mempunyai bidang kuasa khas atau tertentu mengikut lantikannya. Pembatasan kuasa Hakim yang dilantik dalam bentuk tertentu sebegini dikenali di kalangan fuqaha dengan istilah *takhsīṣ al-qaḍā’*.<sup>2</sup>

Artikel ini akan membincangkan mengenai kedudukan bidang kuasa Mahkamah Syariah di Malaysia dalam mendengar dan memutuskan kes-kes yang berkaitan dengan hibah. Bagi membincangkan persoalan ini, isu-isu yang berkaitan bidang kuasa hibah juga akan dibangkitkan. Huraian bagi persoalan ini akan dibuat terhadap peruntukan statutori yang berkaitan, kes-kes yang diputuskan dan juga pandangan individu yang berautoriti dalam isu-isu tersebut.<sup>3</sup>

<sup>1</sup> Muḥammad Salam Madkūr (1964), *Al-Qaḍā’ fī al-Islām*. Kaerah: Matba’at Al-‘Ālamiyyat, h. 54. Lihat juga Al-Mawardī, Abī al-Ḥasan ‘Alī bin Muḥammad (2001), *Kitāb al-Aḥkām al-Sulṭāniyyat wa al-Wilāyat al-Dīniyyat*. Beirut: al-Maktabat al-‘Aṣriyyat, h. 87-90

<sup>2</sup> ‘Abd al-Karīm Zaydān (1997), *Niḍām al-Qaḍā’ fī al-Sharī‘ah al-Islāmiyyah*. Beirut: Mu’assasat al-Risālat, h. 39-40

<sup>3</sup> Artikel ini hanya memfokuskan isu bidang kuasa sahaja. Dengan demikian, persoalan-persoalan teknikal berkenaan hibah, antaranya takrif, rukun, syarat dan hukum-hukum fiqh yang berkaitan tidak akan dibincangkan

## Peruntukan Statutori Berkenaan Bidangkuasa Hibah Di Malaysia

Oleh kerana Perlembagaan Persekutuan merupakan undang-undang utama negara, persoalan bidang kuasa berkenaan hibah di Malaysia perlulah dirujuk kepada peruntukan-peruntukan yang telah disenaraikan dalam perlembagaan tersebut, kemudian barulah kepada undang-undang subsidiari yang berkaitan.

Hibah disenaraikan bersama-sama dengan perkara-perkara berkaitan dengan keagamaan dan undang-undang Islam yang lain di bawah Jadual Kesembilan, Senarai 2, Senarai Negeri, Perlembagaan Persekutuan yang dapat dilihat sebagaimana berikut:

“Kecuali mengenai Wilayah-Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya Hukum Syarak dan undang-undang diri dan keluarga bagi orang yang menganut agama Islam, termasuk Hukum Syarak berhubung dengan mewarisi harta berwasiat dan tak berwasiat, pertunangan, perkahwinan, nafkah, pengambilan anak angkat, kesahatarafan, penjagaan anak, **pemberian**, pembahagian harta dan amanah bukan khairat, wakaf Islam dan takrif serta peraturan mengenai amanah khairat dan khairat agama, perlantikan pemegang-pemegang amanah dan perbadanan bagi orang-orang mengenai pemberian agama Islam dan khairat, institusi, amanah dan institusi khairat yang dijalankan semuanya sekali dalam negeri, adapt istiadat Melayu, zakat, fitrah, baitulmal atau hasil agama Islam yang seumpamanya, masjid atau mana-mana tempat sembahyang awam untuk orang Islam; mengadakan dan menghukum kesalahan-kesalahan yang dilakukan oleh orang-orang yang menganut agama terhadap rukun-rukun Islam, kecuali mengenai perkara-perkara yang termasuk dalam Senarai Persekutuan; keanggotaan, penyusunan, dan acara bagi Mahkamah-mahkamah Syariah yang akan mempunyai bidang kuasa hanya ke atas orang-orang yang menganut agama Islam dan hanya mengenai mana-mana perkara yang termasuk dalam perenggan ini, tetapi tidak mempunyai bidang kuasa mengenai kesalahan kecuali setakat yang diberi oleh undang-undang persekutuan, mengawal perkembangan iktikad dan kepercayaan antara orang-orang yang menganut agama Islam; menentukan perkara-perkara Hukum Syarak dan iktikad dan adapt istiadat Melayu”

Berhubung dengan peruntukan di atas, Perkara 74 (2) Perlembagaan Persekutuan telah memperuntukkan mengenai kuasa kepada Badan Perundangan Negeri untuk membuat undang-undang yang berkaitan dengan perkara-perkara yang telah disenaraikan di dalam Jadual Kesembilan tersebut.<sup>4</sup>

Dengan demikian dapat difahami bahawa undang-undang berkaitan dengan hibah adalah tertakluk di bawah bidang kuasa negeri. Oleh kerana itu, Dewan Undangan Negeri diberi kuasa untuk membuat sebarang undang-undang mengenai hibah dan sebarang pertikaian mengenainya akan didengar di Mahkamah Syariah.

Peruntukan dalam Jadual Kesembilan, Senarai 1, Senarai Persekutuan, telah menjelaskan lagi kedudukan Mahkamah Syariah dalam hal ini. Para 4(e) memperuntukkan:

4. ...

(e) Tertakluk kepada perenggan (ii), perkara-perkara yang berikut:

- (i) ... pewarisan harta berwasiat dan tidak berwasiat; probet dan surat mentadbir pusaka; ...
- (ii) Perkara-perkara yang termasuk dalam perenggan (i) tidak termasuk undang-undang diri orang Islam berhubung dengan ... pemberian atau pewarisan harta berwasiat dan tidak berwasiat;

Bidang kuasa Mahkamah Syariah terhadap kes-kes berkaitan hibah diperkukuhkan lagi dengan pindaan Perlembagaan pada tahun 1988 yang menjelaskan lagi dikotomi bidang kuasa Mahkamah tersebut dengan Mahkamah Sivil, sepertimana yang diperuntukkan oleh Perkara 121(1A):

“Mahkamah-mahkamah yang disebutkan dalam Fasal (1) tidaklah boleh mempunyai bidang kuasa berkenaan apa-apa perkara dalam bidang kuasa mahkamah Syariah”

Adalah jelas daripada peruntukan-peruntukan perlembagaan tersebut, bidang kuasa hibah adalah terletak di bawah Mahkamah Syariah.

Walaupun Perkara 74(2), Perlembagaan Persekutuan dengan jelas memperuntukkan bahawa Badan Perundangan Negeri diberi kuasa untuk membuat undang-undang berkenaan hibah di peringkat negeri masing-masing, namun sehingga kini tidak terdapat statut khusus yang memperuntukkan hibah sama ada dari segi hukum-hukum substantif mahupun kaedah-kaedah

<sup>4</sup> Bagi Wilayah-wilayah Persekutuan, badan yang diberi kuasa untuk membuat undang-undang berkenaan perkara-perkara berkenaan ialah Parlimen

pentadbiran harta hibah.<sup>5</sup> Didapati bahawa usaha-usaha pengkanunan hibah secara khusus adalah sangat jauh kebelakang jika dibandingkan dengan instrumen-instrumen kehartaan Islam yang lain seperti zakat,<sup>6</sup> wakaf<sup>7</sup> dan wasiat.<sup>8</sup> Walaupun demikian, setiap negeri mempunyai satu peruntukan statutori yang menyentuh tentang bidang kuasa Mahkamah Syariah mengenai hibah di dalam statut Pentadbiran Agama Islam (bagi negeri yang tidak memperuntukkan statut khusus Mahkamah Syariah<sup>9</sup>) dan statut Mahkamah Syariah masing-masing.<sup>10</sup>

Di Terengganu misalnya, subseksyen 11 (3) Enakmen Mahkamah Syariah (Terengganu) 2001 memperuntukkan;

Mahkamah Tinggi Syar'iah hendaklah –

- (a) ...
- (b) dalam bidang kuasa malnya, mendengar dan memutuskan semua tindakan dan prosiding jika semua pihak dalam tindakan atau prosiding itu adalah orang Islam dan tindakan atau prosiding itu adalah berhubungan dengan –
  - (i) ...
  - (ii) ...
  - (iii) ...

<sup>5</sup> Temubual dengan Y.A.A Dato' Ismail Yahya, Ketua Hakim Syar'ie Terengganu pada 3 Jun 2008. Siti Zawahir Mohamed, Bahagian Penasihat Seksyen Syariah, Pejabat Peguam Negara dalam responnya kepada penulis melalui e-mail bertarikh 15 Mei 2008 menyatakan bahawa rang undang-undang berkenaan hibah belum lagi digubal.

<sup>6</sup> Misalnya Enakmen Zakat dan Fitrah (Pindaan) 2003 (no. 4/2003)

<sup>7</sup> Misalnya Enakmen Wakaf (Negeri Selangor) 1999 (no. 7/1999); Enakmen Wakaf (Negeri Sembilan) 2005 (no. 5/2005); Enakmen Wakaf (Negeri Melaka) 2005 (no. 5/2005)

<sup>8</sup> Misalnya Enakmen Wasiat Orang Islam (Selangor) 1999 (no. 4/1999); Enakmen Wasiat Orang Islam (Negeri Sembilan) 2004 (no. 5/2004); Enakmen Wasiat Orang Islam (Negeri Melaka) 2005 (no. 4/2005)

<sup>9</sup> Misalnya, di Pulau Pinang, peruntukan tersebut telah dimasukkan di bawah Seksyen 61 (3)(v) dan (vi), Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Pulau Pinang) 2004 (no. 4/2004); Selangor di bawah Seksyen 61 (3)(v) dan (vi), Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 (no. 1/2003)

<sup>10</sup> Misalnya di Sabah peruntukan tersebut dimasukkan di bawah Seksyen 11 (3) (v) dan (vi), Enakmen Mahkamah Syariah Negeri Sabah 2004 (no. 6/2004)

- (iv) ...
- (v) wasiat atau **alang semasa marad-al-maut**;
- (vi) **alang semasa hidup**, atau penyelesaian yang dibuat tanpa balasan yang memadai dengan wang atau nilai wang, oleh seorang orang Islam ;
- (vii) ...
- (viii) ...
- (ix) ...
- (x) ...
- (xi) ...
- (xii) ...

Peruntukan dalam Enakmen ini memberi bidang kuasa kepada Mahkamah Tinggi Syariah untuk mendengar dan memutuskan segala isu berkenaan hibah. Peruntukan yang sama juga terdapat di negeri-negeri lain, yang berbeza hanyalah bilangan seksyen dan istilah yang digunakan untuk memberikan maksud hibah. Istilah ‘alang semasa hidup’ atau ‘alang hayat’ digunakan di dalam enakmen di negeri-negeri Kedah,<sup>11</sup> Pulau Pinang,<sup>12</sup> Terengganu,<sup>13</sup> Wilayah Persekutuan,<sup>14</sup> Kelantan,<sup>15</sup> Selangor,<sup>16</sup> Sabah,<sup>17</sup>

---

<sup>11</sup> Seksyen 9(2)(b)(v) dan (vi), Enakmen Mahkamah Syariah (no. 4/1994)

<sup>12</sup> Seksyen 61 (3)(b)(v) dan (vi), Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Pulau Pinang) 2004 (no. 4/2004)

<sup>13</sup> Seksyen 11 (3)(b)(v) dan (vi), Enakmen Mahkamah Syariah (Terengganu) 2001 (no. 3/2001)

<sup>14</sup> Seksyen 46(2)(b)(vi), Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) (Akta 505) (Pindaan terkini - Akta A931, P.U.(A) 250/2002, P.U.(B) 77/00)

<sup>15</sup> Seksyen 9(2)(b)(vi), Enakmen Pentadbiran Mahkamah Syariah (Pindaan) 1998 (no. 10/1998)

<sup>16</sup> Seksyen 61(3)(b)(v) dan (vi), Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 (no. 1/2003)

<sup>17</sup> Seksyen 11 (3)(b)(v) dan (vi), Enakmen Mahkamah Syariah Negeri Sabah 2004 (no. 6/2004)

Johor,<sup>18</sup> Perak,<sup>19</sup> Sarawak,<sup>20</sup> Sabah<sup>21</sup> dan Melaka.<sup>22</sup> Sementara negeri Pahang<sup>23</sup> menerima pakai istilah ‘pemberian masa hidup’. Enakmen Negeri Sembilan nampaknya lebih memperlihatkan penggunaan istilah asal ‘hibah’ sepertimana yang terdapat dalam Undang-undang Islam berbanding negeri-negeri lain.<sup>24</sup>

Walau bagaimanapun, Perlis adalah satu-satunya negeri yang tidak memperuntukkan dalam enakmennya mengenai hibah dalam erti kata pemberian yang dibuat pada masa hidup, tetapi hanya memperuntukkan ‘wasiat-wasiat atau pemberian dari orang-orang yang beragama Islam pada ketika hendak mati’.<sup>25</sup> Walau bagaimanapun, sub-seksyen (ii) daripada Seksyen 8(2) itu memperuntukkan:

“ mana-mana penyelesaian, pembahagian atau tuntutan kepada mana-mana harta yang terbit dari mana-mana perkara yang tersebut di bawah perenggan (i) sub-seksyen ini”

Bidang kuasa Mahkamah Tinggi Syariah Syariah Perlis dalam mendengar kes hibah bolehlah diambil daripada peruntukan sub-seksyen (ii) ini. Namun, peruntukan ini adalah agak sempit kerana menghadkan hibah yang

<sup>18</sup> Seksyen 61 (3)(b)(v) dan (vi), Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Johor) 2003 (no. 16/2003)

<sup>19</sup> Seksyen 50 (3)(b)(v) dan (vi), Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) (Pindaan) 2005 (no. 6/2006).

<sup>20</sup> Seksyen 10 (3)(b)(v) dan (vi), Ordinan Mahkamah Syariah, 2001 (No. 42/2001)

<sup>21</sup> Seksyen 11 (3)(b)(v) dan (vi), Enakmen Mahkamah Syariah Negeri Sabah 2004 (no. 6/2004)

<sup>22</sup> Seksyen 49 (3)(b)(v) dan (vi), Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Melaka) 2002 (no. 7/2002)

<sup>23</sup> Seksyen 47(2)(b)(v) dan (vi), Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam (Pindaan) 2001 (No. 5/2001)

<sup>24</sup> Lihat Seksyen 61 (3)(b)(v) dan (vi), Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Sembilan) (Pindaan) 2005 (no. 8/2005). Di samping Negeri Sembilan, Sabah dan Sarawak juga menggunakan istilah ‘hibah’ dalam enakmennya, cuma ianya untuk menerangkan maksud istilah ‘alang’ sepertimana berikut, “alang semasa hidup (hibbah)”. Manakala di Kelantan istilah ‘hibah’ digunakan sebagaimana berikut, “alang hayat (hibah) ...” Lihat peruntukan-peruntukan dalam Enakmen Sabah, Sarawak dan Kelantan sepertimana telah dinyatakan sebelum ini.

<sup>25</sup> Seksyen 8(2)(vi), Enakmen Pentadbiran Mahkamah Syariah 1991 (Pindaan) 1996 (no. 2/2000). Negeri-negeri lain dalam enakmen mereka juga memperuntukkan mengenai hibah yang dibuat semasa *maraq al-mawt*.

timbul daripada perkara-perkara yang berkaitan dengan perkahwinan sahaja, sedangkan hibah juga berlaku di kalangan pihak yang bukan suami isteri.”

Sementara itu, kesemua negeri, kecuali Kelantan, juga memperuntukkan mengenai bidang kuasa Mahkamah Tinggi Syariah mengenai hibah yang dibuat ketika *marāḍ al-mawt*.<sup>26</sup> Didapati bahawa peruntukan-peruntukan mengenai hibah ketika *marāḍ al-mawt* dikombinasikan dengan peruntukan wasiat.<sup>27</sup> Ia diperuntukkan sedemikian (pada pandangan penulis) adalah kerana hibah ketika *marāḍ al-mawt* adalah memakai hukum-hakam wasiat dan bukannya hibah.<sup>28</sup> Berdasarkan asas inilah juga Enakmen Kelantan tidak memasukkan peruntukan mengenai hibah ketika *marāḍ al-mawt* dan memadai dengan peruntukan berkenaan wasiat sahaja.

### **Isu-isu Berbangkit Berkaitan Biangkuasa Hibah Di Malaysia**

Berdasarkan huraian di atas, adalah jelas bahawa Mahkamah Syariah mempunyai bidang kuasa terhadap kes-kes hibah. Walau bagaimanapun, timbul persoalan sama ada bidang kuasa hibah ini hanya dimiliki secara eksklusif oleh Mahkamah Syariah sahaja atau dalam keadaan-keadaan tertentu ia dikongsi bersama dengan Mahkamah Sivil.<sup>29</sup> Penulis berpendapat bahawa persoalan ini timbul adalah kerana ketiadaan statut khusus mengenai hibah yang selain memperuntukkan mengenai hukum-hukum substantif mengenai hibah, juga mengenai skop hibah yang bidang kuasanya terletak di Mahkamah Syariah. Begitu juga jika diperhatikan kepada statut-statut yang mengawal selia aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengan kewangan Islam misalnya, tidak terdapat peruntukan-peruntukan yang menyentuh mengenai prinsip hibah. Cuma, peruntukan secara umum dalam statut-statut berkenaan menyatakan bahawa segala kegiatan atau aktiviti syarikat yang dijalankan adalah berteraskan

<sup>26</sup> Untuk keterangan ditil mengenai hibah yang dibuat ketika *marāḍ al-mawt*, lihat Ahmad Ibrahim (1987), “*Gifts Made During Death Illness Under Islamic Law*”, dalam JMCL, j. 14, h. 59-93

<sup>27</sup> Peruntukan dalam enakmen-enakmen negeri adalah “wasiat atau alang semasa *marāḍ al-mawt*”. Manakala di Pahang dan Negeri Sembilan masing-masing menggunakan istilah, “wasiat atau pemberian semasa hampir maut (*maradhul maut*)” dan “hibah semasa *marāḍ al-mawt*”.

<sup>28</sup> al-Khaṭīb, Muḥammad al-Sharbīnī (t.t), *Mughnī al-Muḥtāj*, j. 4. Beirut: Dār Iḥyā’ al-Turāth al-Arabiyy, h. 193

<sup>29</sup> Lihat Naziree b. Md. Yusof (2006), «*Hibah dan Aplikasinya di Malaysia*» dalam 2 ShLR, h. 47

hukum syarak.<sup>30</sup>

Perkembangan terkini menunjukkan prinsip hibah telah dikembangkan dan telah digunakan dalam sektor-sektor kewangan Islam, takaful dan pengamanahan. Oleh kerana itu, persoalan bidang kuasa sering kali ditimbulkan khasnya apabila hibah yang hendak diutarakan itu bukan berbentuk hibah yang biasa diamalkan dalam masyarakat. Bahkan, ia sudah menyangkut isu-isu komersial yang semestinya lebih kompleks. Misalnya, persoalan boleh dibangkitkan, apakah mahkamah yang berbidang kuasa terhadap hibah yang dipraktikkan di institusi kewangan yang beroperasi di bawah Akta Bank Islam 1983.<sup>31</sup> Soalan yang sama juga dibangkitkan ke atas syarikat-syarikat amanah yang menawarkan produk hibah. Adakah oleh kerana mereka beroperasi di bawah Akta Pemegang Amanah 1949,<sup>32</sup> maka isu-isu hibah yang dibangkitkan perlu diajukan di Mahkamah Sivil sedangkan Perlembagaan Persekutuan dan Enakmen negeri-negeri dengan jelas memberi kuasa kepada mahkamah Syariah untuk mengendalikan kes-kes hibah.<sup>33</sup> Ringkasnya, persoalan yang dihadapi kini, adakah Mahkamah Syariah mempunyai bidang kuasa jika isu yang dibangkitkan adalah isu hibah yang berangkai dengan elemen lain, terutama yang bersangkutan paut dengan statut lain.

Sejak kuasa eksklusif Mahkamah Syariah diperkukuhkan dengan Perkara 121(1A) pada tahun 1988,<sup>34</sup> isu penafian bidang kuasa Mahkamah

<sup>30</sup> Misalnya Seksyen 2, Akta Bank Islam 1983 (Akta 276), Seksyen 2, Akta Takaful 1984 (Akta 312)

<sup>31</sup> Akta 276

<sup>32</sup> Akta 208

<sup>33</sup> Kekeliruan bidang kuasa mahkamah ini pernah dibangkitkan oleh Tn. Hj. Abdul Aziz Hassan, seorang peguam dan juga Perunding Pusaka Islam di ZAR Perunding Pusaka dalam temubualnya bersama penulis pada 17 April 2008 di ZAR Perunding Pusaka Sdn. Bhd., Wangsa Maju. Ketika diminta pandangan beliau mengenai produk Trust Hibah yang ditawarkan oleh Syarikat-syarikat Amanah tertentu di Malaysia, beliau menyatakan bahawa agak sukar untuk menentukan forum mana yang mempunyai bidang kuasa sekiranya isu produk Hibah Trust ini dibangkitkan di mahkamah. Ini menurut beliau adalah kerana, elemen 'trust' itu sendiri adalah berkait dengan bidang kuasa Mahkamah Sivil, sedangkan hibah itu sememangnya di bawah bidang kuasa Mahkamah Syariah.

<sup>34</sup> Menurut Prof. Ahmad Ibrahim, pindaan kepada Perkara 121 Perlembagaan Persekutuan dengan menambah Fasal (1A) sangat signifikan dalam mengelakkan percanggahan antara keputusan-keputusan mahkamah Syariah dan Mahkamah Sivil. Lihat Ahmad Mohamed Ibrahim (1997), *Pentadbiran Undang-undang Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur: IKIM, h. 269. Lanjutan daripada itu, satu kes yang diputuskan di Mahkamah Agung, iaitu *Mohamed Habibullah bin Mahmood lwn*

Syariah dalam memutuskan perkara yang berkaitan dengan agama Islam di kalangan orang Islam masih juga berlaku.

Dalam kes di Mahkamah Rayuan Syariah (Kuala Lumpur), *Jumaaton dan Satu Lagi Lwn Raja Hizaruddin*,<sup>35</sup> perkara yang menjadi pertikaian ialah harta peninggalan si mati, iaitu 11 juta unit saham syarikat yang ditubuhkan oleh si mati dan didaftarkan atas nama responden. Kedua-dua perayu memohon mahkamah mengisytiharkan saham tersebut adalah harta pusaka si mati dan bukannya harta mutlak responden. Y.A.A. Ketua Hakim Syarie dalam kes ini memutuskan rayuan ditolak atas alasan:

1. Mahkamah Syariah tidak mempunyai kuasa dalam perkara probet dan surat mentadbir harta. Ini adalah kerana perkara probet dan surat mentadbir pusaka diletakkan di bawah Senarai Kuasa Perundangan Persekutuan (Senarai 1 Jadual Kesembilan, Perlembagaan Persekutuan) dan tidak dikecualikan bagi orang Islam. Oleh kerana itu, undang-undang mengenai probet dan pentadbiran pusaka terdapat dalam Akta Probet dan Pentadbiran 1959.
2. Seorang waris tiada apa-apa kepentingan dalam mana-mana harta yang menjadi atau dikata-kkan menjadi harta pusaka selama pentadbiran harta pusaka itu belum selesai

Antara alasan penghakiman dalam kes ini adalah sebagaimana berikut:

“Sungguhpun Senarai 2, Jadual Kesembilan itu menyebut mengenai ‘Hukum Syarak berhubung dengan mewaris harta berwasiat dan tak berwasiat’ dan ‘pembahagian harta’, apabila rujukan dibuat kepada Senarai 1, Senarai Persekutuan, Jadual Kesembilan itu, ini tidak termasuk probet dan surat mentadbir pusaka. Perkara (e), Perenggan (i) dalam Senarai Persekutuan itu menyebut bahawa Parlimen boleh membuat undang-undang antara lain mengenai ‘perwarisan harta berwasiat dan tidak berwasiat, probet dan surat mentadbir pusaka’. Kemudian dalam Bahagian (ii), Perkara (a) itu disebut ‘Perkara yang tersebut dalam Perenggan (1) tidak termasuk undang-undang diri orang-orang Islam berhubung dengan ‘pemberian atau perwarisan harta berwasiat dan tidak berwasiat’. Ini bermakna undang-undang mengenai ‘probet dan surat mentadbir harta’ dimasukkan dalam Senarai Persekutuan dan bukan ‘Senarai Negeri’ dan oleh kerana itu Badan Perundangan Negeri dan

---

*Faridah binti Dato’ Talib* [1992] 2 MLJ 793, telah mengiktiraf pindaan tersebut dalam keputusannya.

35 [1998] 6 MLJ 556

Mahkamah Syariah tidak mempunyai kuasa atau bidang kuasa dalam perkara ‘probet dan surat mentadbir harta’ itu. Inilah sebab undang-undang mengenai ‘probet dan surat mentadbir’ bagi semua orang di Malaysia terdapat dalam Akta Probet dan Pentadbiran 1959.”

Oleh yang demikian, Mahkamah Syariah dalam kes ini dengan jelas mengisytiharkan bahawa bidang kuasanya mengenai pembahagian dan perwarisan harta orang Islam adalah dinafikan oleh terma probet dan surat mentadbir harta yang terdapat dalam Senarai Persekutuan itu.

Keputusan kes Jumaaton ini dijadikan rujukan bagi kes hibah, *Per Rosmawati binti Sharibun & Satu Lagi*<sup>36</sup> dan dua rayuan terhadap keputusan kes tersebut.

Dalam kes *Per Rosmawati*, perkara yang dipertikaikan ialah sama ada wang dalam dua akaun bersama si mati, iaitu Dato’ Sharibun bin Wahab dan isteri ketiganya Latifah adalah hibah oleh si mati kepada Latifah atau tidak. Dengan merujuk kepada kes *Jumaaton dan Satu Lagi lwn Raja Hizaruddin*,<sup>37</sup> mahkamah memutuskan bahawa Mahkamah Sivil mempunyai bidang kuasa bukan sahaja terhadap keputusan tentang peraturannya, tetapi juga undang-undang substantif iaitu menentukan sama ada wang dalam akaun bersama tersebut adalah hibah mengikut hukum syarak.

Berdasarkan bidang kuasa tersebut, mahkamah memutuskan bahawa wang dalam akaun bersama itu bukanlah hibah kerana Latifah tidak memilikinya secara eksklusif. Ini dibuktikan dengan transaksi yang dilakukan terhadap akaun itu semasa si mati masih hidup yang perlu ditandatangani bersama oleh si mati. Kedudukan ini adalah berbeza jika kedua-dua akaun itu hanya ditandatangani oleh Latifah sahaja. Oleh kerana itu, keperluan *qabḍ* (mengambil milikan) dalam hibah itu tidak dipenuhi.

Adalah jelas daripada Perkara 121 (1A) dan Seksyen 46(2)(b)(vi), Enakmen Pentadbiran Perundangan Islam (Negeri Selangor) 1989,<sup>38</sup> bahawa Mahkamah Syariah mempunyai kuasa eksklusif untuk mendengar kes berkaitan hibah dan bukannya Mahkamah Sivil. Oleh kerana itu, keputusan dua rayuan terhadap keputusan kes ini di Mahkamah Rayuan dan yang terakhir di Mahkamah Agong menegaskan Mahkamah Sivil tidak mempunyai bidang

36 [2002] 4 AMR 4913

37 [1998] 6 MLJ 556. Dalam kes ini Mahkamah Rayuan Syariah memutuskan bahawa Mahkamah Sivil mempunyai bidang kuasa untuk mendengar kes yang melibatkan probet dan surat tadbir pusaka meskipun pihak-pihak yang terlibat beragama Islam

38 2/1989

kuasa untuk mendengar kes berkenaan, sebaliknya forum yang lebih sesuai adalah Mahkamah Syariah. Dengan demikian, Mahkamah Rayuan telah menolak rayuan tersebut sekaligus mengetepikan keputusan yang dibuat oleh Mahkamah Tinggi.

Abdul Aziz Mohamad, Hakim Mahkamah Rayuan dalam penghakimannya terhadap rayuan Latifah binti Mat Zin menyebut:<sup>39</sup>

“The crux of the argument in subparagraph b, the object of which is to justify the assertion that the civil law of gifts *inter vivos* has to apply in this case, proceeds from an assumption as to judicial jurisdiction in respect of the subject matter under which the dispute in this case may properly be classified. It classifies the subject matter, following *Jumaaton*, as a probate and administration matter, in respect of which the Syariah courts have no jurisdiction but the civil courts have. That the civil courts have to apply the civil law of gifts *inter vivos* is an argument that is a consequence of the assumption as to jurisdiction. It is therefore necessary to determine whether the assumption as to jurisdiction is correct. **Is it true that the subject matter of the dispute in this case, namely the subject of gifts *inter vivos*, is a probate and administration matter, and therefore is not a matter in respect of which the Syariah courts have jurisdiction?**”

The Ninth Schedule to the Federal Constitution comprises lists of legislative matters, that is, matters with respect to which Parliament and the State legislatures have power to make laws. By virtue of art 74, Parliament has power to make laws with respect to matters in the Federal List and a State legislature has power to make laws with respect to matters in the State List. Among the matters in Item 1 of the State List is ‘the constitution, organization and procedure of Syariah courts’. That means that a State legislature has power to make laws with respect to the constitution, organization and procedure of Syariah courts. As it happens, the jurisdiction of the Syariah courts is also conferred - constitutionally and directly conferred - in Item 1 by the words ‘which shall have jurisdiction only over persons professing the religion of Islam and in respect only of any of the matters included in this paragraph’, meaning Item 1. It is a conferment of judicial jurisdiction according to

---

<sup>39</sup> Lihat kes *Latifah bte Mat Zin v Rosmawati bte Sharibun & Anor* [2006] 4 MLJ 705, h. 717

legislative jurisdiction. Where there is legislative jurisdiction, judicial jurisdiction follows. Among the matters in Item 1 are ‘Islamic law relating to succession, testate and intestate’ and ‘Islamic law relating to ... gifts’. **So far it should be obvious that the matter of succession and the matter of gifts according to Islamic law, where they involve Muslims, are matters within the judicial jurisdiction of the Syariah courts ...”**

Apabila kes ini dibawa ke peringkat Mahkamah Agong, pendirian yang sama juga diambil oleh panel rayuan dalam hal bidang kuasa mahkamah mengenai kes hibah ini. Hakim Abdul Hamid Mohamad dalam penghakimannya menyatakan:<sup>40</sup>

“ ... An issue arises whether the joint accounts form part of the estate of the deceased or not which depends on whether there was a gift inter vivos or not. That gift inter vivos here means ‘hibah’ (the Islamic law of gift) was agreed by the parties in the agreed questions posed in the High Court for its decision. In the circumstances, I agree with the Court of Appeal that is the Islamic law of ‘hibah’ that applies. We have seen that paragraph (ii) of item 4(e) of the Federal List excludes ‘Islamic personal law relating to ... gifts or scession.’ This is further reinforced by item 1 of the State List which specifically provides that ‘Islamic la ... of persons professing the religion of Islam, including ... gifts ...’ Section 61(3) of the Administration of the Religion of Islam (State of Selangor) Enactment 2003 (the relevan law, in this case) also provides:

‘The Syariah High Court shall –

- (a) ...
- (b) (b) in its civil jurisdiction, hear and determine all actions and proceedings if all the parties to the actions or proceedings are Muslims and the actions and proceedings relate to
- (i) ...
- (vi) gifts inter vivos, or settlements made without adequate consideration in money or money’s worth by a Muslim’; ...

---

<sup>40</sup> Lihat kes *Latifah bte Mat Zin v Rosmawati bte Sharibun & Anor* [2007] MLJ 101, h. 122, 123

**So, it is very clear that the determination whether the assets in question had been given as a valid ‘hibah’ by the deceased to the appellant is a matter that falls within the jurisdiction of the syariah court.** The Court of Appeal was right on this point.”

Keputusan Mahkamah Agong ini sangat signifikan kerana mengesahkan semula kedudukan bidang kuasa Mahkamah Syariah dalam perkara hibah secara khusus dan juga dalam kes yang berkait dengan hal ehwal pentadbiran kehartaan orang Islam selepas diperakukan sebaliknya dalam kes *Jumaaton* dan *Per Rosmawati*.

Mengulas kes *Jumaaton* yang menafikan bidang kuasa Mahkamah Syariah dalam kes tuntutan harta orang Islam apabila ia berkait dengan probet dan pentadbiran, Hakim Abdul Aziz dalam konteks kes ini menegaskan:<sup>41</sup>

“... **We cannot agree that a dispute about gifts is a dispute about probate and administration, just because it arises in the context of the administration of an estate.** In the course of administering an estate, various problems may arise, such as, as in this case, whether a property belongs to the estate, the answer to which depends, as in this case, on whether the property belongs to someone else as a valid gift, or whether a person is a beneficiary, the answer to which may depend on whether he is the issue of a valid marriage. Each of these problems has to be solved according to the particular law that is applicable to the nature of the problem. It may be the law of gifts, or the law of marriage, or even the land law. Merely by reason that the problem arises in the course or context of administering an estate, it does not become a problem of the law of probate and administration.

**It is, therefore, our finding that the subject matter of the dispute in this case, which is that of gifts inter vivos or hibah between Muslims, is not a probate and administration matter and is within the jurisdiction of the Syariah courts...**”

---

<sup>41</sup> Lihat *Latifah bte Mat Zin v Rosmawati bte Sharibun & Anor* [2006] 4 MLJ 705, h. 718, 719

Sementara dalam Mahkamah Agong, Hakim Abdul Hamid telah membuat analisis dan huraian secara ditil mengenai keputusan kes *Jumaaton* tersebut. Terdapat dua isu yang perlu dibangkitkan mengenai keputusan Mahkamah Rayuan Syariah berkenaan bidang kuasa Mahkamah Syariah dalam kes tersebut sebagaimana berikut:<sup>42</sup>

“The judgment has raised a number of important points. First, in holding that the case was not within the jurisdiction of the syariah court as it was a probate and administration matter, the court, in fact, gave effect to the provision of the Constitution, which is a matter within the jurisdiction of the civil court to do – Art 128(2). Secondly, in my view and with respect, while the court was right in holding that probate and administration were outside its jurisdiction, it was wrong in thinking that the issue before it was an issues of probate and administration. It was not. From the judgment, at least it is very clear that the third declaration applied for (that all the 12 beneficiaries of the deceased were entitled to thir respective shares in accordance with the ‘farad’) was an Islamic law issue within the jurisdiction of the syariah court. However, from the judgment, we do not know whether the contradictory claims over the disputed shares concern the question of gift inter vivos or ‘hibah’ or on some other non-syariah legal ground eg. under companies’ law. **If it was the former, then the syariah court should have decided whether there was a ‘hibah’ in accordance with Islamic law of those disputed shares and then proceed to determine the share of the beneficiaries, respectively, according to ‘faraid’.** If it was the latter, of course the syariah court should nor embark on civil law to determined the question whether those disputed shares were part of the estate of the deceased or not. That is a matter for the civil court. If that was the case, what the syariah court could do was to stay proceedings untill that issue is determined by the civil court. Once that is determined, and if it forms part of the estate of the deceased, then the syariah court could proceed to determine the portion to which each beneficiary is entitled to, according to ‘faraid’. That order is then filed in the civil court, which will give effect to it. Of course, this is very cumbersom. But, that is the only way out under the current law. That is why I call upon the Parliament to step in to remedy the situation. **In any event, it is not right for syariah court to take this view that as probate and administration is**

---

42 *Latifah bte Mat Zin v Rosmawati bte Sharibun & Anor* [2007] MLJ 101, h., 121

**within the jurisdiction of the civil court, it has no jurisdiction even to determine those Islamic law issues.** This is in fact provided for by s 50 of the Administration of Islamic Law (Federal Territories) Act 1993 (Act 505)...”

Dalam kes *Noor Jahan Abdul Wahab v. Md. Yusoff Amanshah & Anor*,<sup>43</sup> plaintif menuntut daripada defendan pertama, yang juga bekas suaminya satu deklarası bahawa 47,001 unit saham yang dikeluarkan oleh defendan kedua, Amanah Saham Nasional Bhd. yang telah didaftarkan atas nama defendan pertama adalah sebagai satu amanah (*trust*) daripada plaintif. Plaintif juga memohon supaya unit saham tersebut dikembalikan kepadanya selain menuntut Mahkamah meneruskan interlocutory injunction yang telah diperolehinya daripada defendan terhadap unit saham tersebut.

Plaintif dalam kes ini telah menggunakan wangnya untuk membeli saham-saham tersebut yang didaftarkan atas nama defendan pertama. Defendan pertama berhujah bahawa saham-saham tersebut adalah hadiah (*gift*) hari jadinya dan oleh kerana itu ianya tiada kaitan dengan isu amanah sepertimana yang dibangkitkan oleh plaintif. Defendan pertama juga membangkitkan isu berkaitan bidang kuasa Mahkamah. Menurut defendan, forum yang sepatutnya mengendalikan kes ini adalah Mahkamah Syariah dan bukannya Mahkamah Sivil berdasarkan kepada Perkara 121 (1A) Perlembagaan Persekutuan, dibaca bersama seksyen 40 (3) Penang Administration of Muslim Law Enactment 1959.

Y.A. Hakim dalam komentarnya mengenai isu bidang kuasa yang dibangkitkan oleh defendan menyatakan bahawa jika Seksyen 40 (3) Enakmen 1959 ingin dijadikan asas untuk menafikan bidang kuasa Mahkamah Sivil dalam membicarakan kes ini, maka perkara yang dipertikaikan itu mestilah mempunyai hubungan langsung dengan perkara-perkara berkaitan perkahwinan atau perceraian pihak-pihak yang bertikai. Sebaliknya, tuntutan plaintif adalah berkaitan dengan pengamanahan (*trust*) dan tidak ada kena mengena dengan hal ehwal agama Islam. Dalam hal ini, beliau membuat rumusan bahawa:

“For the reasons stated, the plaintiff’s action does not, so far as I can see, relate to “marriage or divorce” or “any disposition of or claim to property arising out of marriage or divorce” or “division inter vivos of spencarian property”, within the meaning of s. 40(3)(b)(i), (ii) and (iv)

---

<sup>43</sup> [2004] CLJ (ISL) 383

of the Enactment of 1959. Furthermore, the claim for injunction relief, is not, as the first defendant submits, ancillary to the divorce, but merely consequential to the primary relief sought, which is for a declaration as to ownership of the shares.

Accordingly, I would dismiss the preliminary objection as to jurisdiction based on Article 121(1A) of the Federal Constitution”.

Dalam penghakimannya Y.A. Hakim menyatakan pemberian sejumlah unit saham kepada defendan itu bukanlah termasuk dalam urusan agama Islam kerana tindakan plaintif tersebut tidak berkait dengan soal-soal pembahagian harta sepencarian sebagaimana yang diperuntukkan dalam Seksyen 40(3)(b)(i) dan (iv) Enakmen 1959. Menurut beliau, Mahkamah Syariah tidak mempunyai bidang kuasa ke atas kes tersebut kerana pemberian unit-unit saham itu tidak termasuk dalam urusan perkahwinan dan perceraian dan juga sebarang tuntutan kehartaan yang timbul daripada perkahwinan dan perceraian.

Jika dilihat kepada peruntukan Seksyen 40(3) Enakmen 1959 itu, didapati bukan semua perkara dalam seksyen tersebut berkaitan dengan perkahwinan dan perceraian orang Islam, malah ada yang tidak semestinya berkaitan dengan perkahwinan dan perceraian misalnya hibah, wasiat dan wakaf. Hibah misalnya, ada juga melibatkan pihak-pihak yang bukan dalam perkahwinan. Contohnya hibah seseorang kepada anak angkatnya. Oleh kerana itu, alasan penghakiman Y. A. Hakim dalam hal ini, pada pendapat penulis adalah tidak tepat. Selain itu, Hakim tidak memberi tumpuan kepada isu hibah atau pemberian yang dibangkitkan oleh defendan, sebaliknya beliau membincangkan perkara pembelian unit-unit saham oleh plaintif atas nama defendan itu atas isu harta sepencarian. Pada hal, defendan dalam pembelaannya mendakwa pembelian saham itu atas namanya merupakan hadiah hari jadinya oleh plaintif. Mengikut hukum syarak, hadiah adalah termasuk dalam hibah.<sup>44</sup> Oleh yang demikian, pernyataan bahawa Mahkamah Syariah tidak mempunyai bidang kuasa untuk mendengar kes tersebut adalah tidak tepat kerana dengan jelas bahawa seksyen 40(3)(b)(iv) dengan jelas menyenaraikan *alang semasa hidup* atau *hibah* sebagai salah satu perkara yang Mahkamah Syariah berbidang kuasa.

---

<sup>44</sup> Lihat misalnya al-Khaṭīb, Muḥammad al-Sharḥīnī (t.t), *op.cit.*, h. 62; Shams a-Dīn Aḥmad bin Qudir (2003), *Natāij al-Afkār fī Kasf al-Rumūz wa al-Asrār*, j. 9. Beirut: Dār al-Kutub al-Ilmiyyat.

Sementara itu, dalam kes di Mahkamah Rayuan (Putrajaya), *TM Feroze Khan & Ors lwn Meera Hussain bin TM Mohamed Mydin*,<sup>45</sup> walaupun tiada dihujahkan mengenai bidang kuasa mahkamah, namun penulis menganggap kes ini ada kaitan dengan persoalan bidang kuasa. Isu utama yang telah dipersetujui dalam kes ini ialah sama ada surat ikatan amanah dan pindah hak kedua-dua hartanah milik oleh si mati kepada responden adalah batal dan tidak sah di bawah undang-undang Islam memandangkan pemilikan hartanah tersebut tidak pernah diberikan kepada responden semasa hayat di mati. Hartanah itu juga tidak pernah terletak hak dalam nama responden semasa hayat si mati. Dalam kes ini, mahkamah memutuskan bahawa pemberian yang dilakukan oleh si mati itu sah di bawah undang-undang Islam dan oleh kerana itu rayuan perayu adalah ditolak.

Adalah jelas di dalam kes di atas bahawa isu yang menjadi pertikaian dan ingin diselesaikan adalah yang berkaitan dengan undang-undang Islam yang sememangnya mempunyai bidang kuasa di bawah peruntukan-peruntukan statutori yang telah disebutkan tadi. Perayu di dalam kes ini menimbulkan persoalan kesahan hibah kerana pada pandangannya syarat pindah milikan (*qabd/taking possession*) dalam hibah itu sendiri tidak dipenuhi. Dalam hal ini, Mahkamah Syariah mempunyai bidang kuasa untuk menentukan hibah tersebut sah atau sebaliknya berdasarkan status *qabd* itu tadi berdasarkan undang-undang Islam. Begitu juga Seksyen 421A, Kanun Tanah Negara<sup>46</sup> memperuntukkan bahawa bagi maksud seksyen-seksyen 417 dan 420 “Mahkamah” termasuklah Mahkamah Syariah. Oleh kerana itu, perintah yang dikeluarkan oleh Mahkamah Syariah kepada Pendaftar atau Pentadbir Tanah adalah sah.

### **Kedudukan Bidang Kuasa Mahkamah Syariah Ketika Tiada Peruntukan Statutori Mengenai Kes Yang Dipertikai**

Timbul persoalan, apakah kedudukan bidang kuasa Mahkamah Syariah untuk mendengar kes-kes yang sememangnya termasuk dalam Senarai Negeri, namun tiada statut khusus mengenainya digubal? Persoalan lain yang boleh ditimbulkan, bagaimana dalam hal ketiadaan statut tersebut, ada isu-isu sampingan<sup>47</sup> yang menyertai sesuatu perkara pokok yang telah diperuntukkan

<sup>45</sup> [2006] 5 MLJ 217

<sup>46</sup> Akta 56/1965

<sup>47</sup> ‘Isu sampingan’ yang penulis maksudkan ialah sesuatu yang mengiringi isu utama. Isu utama dalam konteks ini adalah hibah. Isu sampingannya ialah apabila hibah itu dikombinasikan dengan instrument lain, seperti hibah takaful, hibah amanah

dalam sesuatu undang-undang induk? Persoalan ini sangat relevan apabila membincangkan mengenai hibah yang ketika ini tidak mempunyai statut khusus mengenai prosedur dan hukum substantifnya, walaupun ada peruntukan dalam Enakmen Mahkamah Syariah atau Enakmen Pentadbiran Islam di negeri-negeri mengenai bidang kuasa Mahkamah Tinggi Syariah untuk mendengar kes hibah. Dalam masa yang sama, perkembangan semasa menyaksikan prinsip hibah ini banyak diaplikasikan dalam pelbagai kegiatan yang bersifat komersial. Dengan kata lain, prinsip hibah telah digandingkan dengan perkara-perkara lain<sup>48</sup> yang sememangnya telah ada statut khusus mengenainya. Penulis akan menghuraikan kedudukan mengenai perkara ini berdasarkan kes-kes yang telah diputuskan.

Dalam kes *Mohamed Habibullah bin Mahmood lwn Faridah binti Dato' Talib*,<sup>49</sup> Harun M. Hashim (Hakim Mahkamah Agung ketika itu) dalam komentarnya mengenai penyingkiran bidang kuasa Mahkamah-mahkamah Sivil dalam perkara yang termasuk dalam bidang kuasa Mahkamah Syariah telah berkata:

“ ... Oleh kerana itu, saya berpendapat bahawa apabila terdapat cabaran kepada bidang kuasa (seperti dalam kes ini), pendekatan yang betul ialah pertama sekali melihat sama ada mahkamah Syariah mempunyai bidang kuasa dan **bukannya sama ada badan perundangan negeri mempunyai kuasa memperuntukkan undang-undang yang memberi kuasa kepada Mahkamah Syariah...** “

Hal yang sama juga telah diulas oleh Abdul Kadir Sulaiman H dalam penghakiman kes *Md Hakim Lee lwn Majlis Agama Islam, Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur*<sup>50</sup>:

“Pada pendapat saya setelah merujuk kepada Perkara 74 dan Perenggan 1, Senarai Negeri dalam Perlembagaan, bidang kuasa mahkamah Syariah adalah lebih luas dari apa yang diberi dengan nyata kepadanya oleh badan perundangan negeri yang berkenaan. Mahkamah Syariah hendaklah mempunyai bidang kuasa ke atas orang-orang yang menganut ugama Islam mengenai mana-mana perkara yang termasuk di dalam

---

dan seumpamanya

48 Iaitu isu sampingan

49 [1992] 2 MLJ 793

50 [1998] 1 MLJ 681

perenggan 1 itu. Ia tidak dihadkan kepada apa yang telah diperuntukan dengan nyata. Perkara-perkara itu termasuk undang-undang Islam dan undang-undang keluarga orang-orang yang menganuti agama Islam ... **Fakta bahawa badan perundangan telah diberi kuasa membuat undang-undang akan tetapi belum berbuat demikian, tidak akan menjejaskan dari kenyataan bahawa perkara-perkara itu termasuk di bawah bidang kuasa mahkamah Syariah, seperti yang dinyatakan dalam perenggan 1 Senarai Negeri dan bidang kuasa yang mana telah ditarik keluar dari mahkamah-mahkamah yang disebut di Perkara 121(1) Perlembagaan.** Jika badan perundangan negeri belum lagi membuat undang-undang khusus dalam perkara itu, ia adalah termasuk dalam kuasanya membuat demikian pada masa hadapan di bawah peruntukan Perkara 74 Perlembagaan Persekutuan. **Oleh kerana itu, perkara yang dipertikaikan bidang kuasa itu adalah kepunyaan mahkamah Syariah dan bukan kepunyaan mahkamah yang disebut dalam Perkara 121(1) walaupun tidak terdapat peruntukan khas dalam enakmen-enakmen negeri mengenai perkara itu pada masa isu itu timbul. Itu adalah maksud Perkara 121(1A) apabila ia menyebut dengan jelas bahawa mahkamah-mahkamah sivil yang disebut di perkara 121(1), termasuk Mahkamah-Mahkamah Tinggi tidak akan ada bidang kuasa dalam perkara itu.** Fakta bahawa mahkamah-mahkamah Syariah belum dengan nyata diberi bidang kuasa memutuskan isu yang timbul itu oleh badan perundangan negeri, tidak bermakna bidang kuasa itu hendaklah dijalankan oleh mahkamah-mahkamah yang disebutkan di Perkara 121(1). Isunya bukan sama ada seseorang yang pertikaikan perkara itu boleh dapat remedi-remedinya akan tetapi isunya ialah bidang kuasa mahkamah-mahkamah untuk membicarakan perkara yang berkenaan bidang kuasa awalan untuk mendengar dan menentukan perkara itu.”

Dalam kes di Mahkamah Agong, *Latifah bte Mat Zin*<sup>51</sup>, Hakim Abdul Hamid dengan jelas menyatakan bidang kuasa Mahkamah Syariah dalam kes-kes hibah walaupun dalam ketiadaan satu statut khusus mengenainya dengan membuat perbandingan dengan Common Law. Kata beliau:

“The argument by learned counsel for the appelent that law on hibah must first be legislated before it can be applied is without merit. When

---

<sup>51</sup> *Op.cit.*, h. 123

jurisdiction is given to the syariah court with regard to hibah it is up to that court to ascertain and apply the law. It is the same in the civil court in relation to common law. If the Common Law of England applies in a given situation, it is for the court to ascertain what it is and apply it. I do not think it can be argued that the Common Law must be legislated first before it can be applied in this country. That, in fact, is a contradiction in terms.”

Dapatlah difahami daripada penghujahan penghakiman tersebut, tidaklah beerti dengan tiadanya peruntukan-peruntukan substantif, malahan tiadanya statut khusus mengenai hibah pada peringkat negeri mahupun persekutuan, Mahkamah Syariah tidak mempunyai bidang kuasa untuk mendengar dan memutuskan kes-kes berkaitan hibah. Asal sahaja perkara yang dipertikaikan itu termasuk dalam hal ehwal Islam dan pihak yang terlibat ialah orang-orang Islam sendiri, maka sangatlah wajar dan logik Mahkamah Syariah diberikan bidang kuasa tersebut. Tambahan pula jika perkara yang menjadi ‘isu sampingan’ hibah itu juga tidak diperuntukkan oleh mana-mana undang-undang bertulis. Misalnya, setakat ini tiada peruntukan daripada mana-mana statut yang menyebut mengenai hibah takaful dan hibah amanah walaupun telah ada Akta Takaful 1984 dan Akta Pemegang Amanah 1949 yang menyentuh berkenaan operasi takaful dan amanah di Malaysia.

Mengenai pemakaian undang-undang Islam dan bidang kuasa Mahkamah Syariah dalam sekiranya hibah yang dipertikaikan menyangkut ‘isu-isu sampingan’ itu, penulis ingin merujuk kepada beberapa penghakiman kes.

Dalam kes *Latifah bte Mat Zin v Rosmawati bte Sharibun & Anor*,<sup>52</sup> perayu mengatakan bahawa beliau berhak ke atas duit dalam dua akaun bersamanya dengan si mati berdasarkan doktrin *survivorship*.<sup>53</sup> Setelah memberi penerangan mengenai kedudukan *survivorship* dalam perkara perbankan, Y.A. Hakim dalam kes ini menegaskan:

**“As a matter of fact, the appellant in this case is not relying on the survivorship mandate per se to claim property in the moneys in the joint accounts. She is relying on the law of gifts, claiming that the**

<sup>52</sup> *Op.cit*, h. 715, 716

<sup>53</sup> Survivorship bermaksud hak seseorang ke atas sesuatu harta atas sebab hayatnya lebih panjang daripada seorang lain yang mempunyai kepentingan ke atas harta yang sama. Lihat Mohd Radzali Masrum (2001), *Maksim dan Ungkapan Undang-undang*. Kuala Lumpur: DBP, h. 372

moneys had been gifted to her and resorting to various circumstances, including the fact of the creation of the joint accounts and the fact of the survivorship mandate, to contend that there had been a gift. **Therefore the true applicable law for this case is the law of gifts**, so that when the appellant's counsel says in paragraph 6 of his written submission that the nub of the appeal is the question whether the civil law or Islamic law is the applicable law, it is the law of gifts that should have been the concern of the question, not the law of banking or contract. **The question would then be whether the applicable law in this case is the civil law of gifts inter vivos or the Islamic law of gifts inter vivos or hibah.**"

Komentar yang sama juga diberi ketika kes ini dibawa ke Mahkamah Agong. Kata Abdul Hamid Mohamad, FCJ:<sup>54</sup>

"In the court of Appeal, it was argued by the learned counsel for the Appellant that the applicable law was the federal law of banking and contract. This argument was rejected by the court. It held that the applicable law was the law of gifts, not the law of banking or contract. The question would then be **whether the applicable law in this case is the civil law of gifts inter vivos or the Islamic law of gifts inter vivos or "hibah"** ...

I do not think it is necessary for me to try to answer the questions as they are framed. It is sufficient and clearer that I answer the question that touches the crux of the case which disposes of the appeal in my own way and it is this : where a question arises as to whether a specific property forms part of the assets of an estate of a deceased person who is a Muslim in a petition for a Letter of Administration in the civil High Court, the answer to which depends on whether there was a gift inter vivos or not, that question shall be determined in accordance with the Islamic Law of gift inter vivos or "hibah". **The determination of that issue and the beneficiary or beneficiaries entitled to it and in what proportion, if relevant, is within the jurisdiction of the syariah court and the civil court shall give effect to it in the grant of a Letter of Administration, and subsequently, in distributing the estate.**"

---

<sup>54</sup> Latifah bte Mat Zin v Rosmawati bte Sharibun & Anor [2007] MLJ 101, h., 107 dan 124

Adalah difahami daripada komentar hakim-hakim Mahkamah Sivil tersebut, walaupun pemberian tersebut ada kaitan dengan isu lain iaitu isu perbankan dan kontrak, malahan isu probet dan pentadbiran, namun perkara utama yang perlu dipertimbangkan ialah ‘pemberian’ itu sendiri. Setelah itu, barulah perlu ditentukan forum mana yang layak untuk mendengar kes berkenaan. Mahkamah dalam kes ini memutuskan untuk menolak rayuan Perayu kerana bidang kuasa untuk mendengar, memutuskan tuntutan hibah, dan juga mengesahkan sesuatu hibah adalah terletak dalam bidang kuasa Mahkamah Syariah. Mahkamah Sivil hanya diberi kuasa untuk mengeluarkan surat pentadbiran harta sahaja.

Pandangan yang sama juga dikemukakan oleh Dato’ Aria DiRaja Hj. Daud Muhammad<sup>55</sup> (Ketua Hakim Syarie Kelantan) dan Dato’ Ismail Yahya<sup>56</sup> (Ketua Hakim Syarie Terengganu). Kedua-dua hakim ini berpendapat bahawa perkara yang perlu dilihat bagi menentukan bidang kuasa Mahkamah Syariah atau sebaliknya ialah melihat kepada isu utama kes tersebut. Memandangkan hibah terletak dalam bidang kuasa Mahkamah Syariah, maka sebarang isu yang berkait dengan hibah sama ada hibah dalam industri takaful, perbankan, amanah dan sebagainya adalah di bawah bidang kuasa Mahkamah Syariah. Lebih jelas lagi, pensabitan adanya hibah atau sebaliknya adalah ditentukan di Mahkamah Syariah. Kemudian, jika kes hibah tersebut ada mempunyai kaitan dengan statut-statut lain, misalnya Akta Takaful 1984, Akta Probet dan Pentadbiran 1959, Akta Pemegang Amanah 1949 dan seumpamanya, sabitan yang telah dikeluarkan oleh Mahkamah Syariah itu akan dibawa ke Mahkamah Sivil bagi tujuan pelaksanaan mengikut akta-akta berkenaan.

---

55 Temubual dengan Y.A.A Dato’ Aria DiRaja Hj. Daud Muhammad, Ketua Hakim Syar’ie Negeri Kelantan pada 2 Jun 2008, pukul 8.30 am di Pejabat Ketua Hakim Syarie Kelantan Temubual dengan Y.A.A Dato’ Ismail Yahya, Ketua Hakim Syar’ie Terengganu pada 3 Jun 2008

56 Temubual dengan Y.A.A Dato’ Ismail Yahya, Ketua Hakim Syar’ie Terengganu pada 3 Jun 2008, pukul 9.00 am, di Pejabat Ketua Hakim Syarie Terengganu

## KESIMPULAN

Daripada perbincangan di atas, dapatlah disimpulkan bahawa sememangnya bidang kuasa untuk mendengar dan memutuskan kes berkaitan hibah adalah berada di bawah bidang kuasa Mahkamah Syariah. Ini dibuktikan dengan peruntukan-peruntukan daripada Perlembagaan Persekutuan sendiri dan juga Enakmen-enakmen Mahkamah Syariah atau Enakmen Pentadbiran Islam negeri-negeri. Bidang kuasa Mahkamah Syariah juga sememangnya diakui oleh penghakiman kes-kes hibah yang dibicarakan di Mahkamah Sivil. Namun demikian, ada juga kes-kes hibah yang masih lagi 'dianggap' di bawah bidang kuasa Mahkamah Sivil walaupun selepas pindaan kepada Perkara 121 (1), Perlembagaan Persekutuan yang jelas menafikan pertindihan bidang kuasa berkenaan.<sup>57</sup> Perkara yang perlu ditekankan ialah bidang kuasa Mahkamah Syariah dalam hal ini adalah untuk menentukan status kesahan hibah, penentuan takat bahagian dan penarikan (pembatalan) hibah. Jika terdapat isu-isu lain di samping hibah diketengahkan, maka isu tersebut tidaklah boleh menafikan bidang kuasa Mahkamah Syariah terhadap kes hibah. Dengan kata lain, Mahkamah Syariah hendaklah dirujuk untuk menentukan status hibah tersebut dari sudut Undang-undang Islam. Setelah itu barulah kes tersebut boleh dibicarakan di Mahkamah Sivil untuk perintah selanjutnya. Adalah diharapkan isu-isu pertindihan bidang kuasa yang melibatkan Mahkamah Syariah dan Mahkamah Sivil tidak lagi timbul terutama selepas keputusan rayuan kes *Latifah* di Mahkamah Persekutuan. Sudah sampai masanya satu undang-undang khusus mengenai hibah digubal, bukan sahaja bagi menangani isu-isu bidang kuasa mahkamah, tapi juga untuk menjelaskan kedudukan hibah dari sudut substantifnya.

---

<sup>57</sup> Misalnya kes *Noor Jahan Abdul Wahab lwn. Md. Yusoff Amanshah & Anor* [2004] CLJ (ISL) 383 dan *TM Feroze Khan & Ors lwn Meera Hussain bin TM Mohamed Mydin* [2006] 5 MLJ 217 yang telah dihuraikan dalam artikel ini.

## SENARAI RUJUKAN

- 'Abd al-Karīm Zaydān (1997), *Nizām al-Qaḍā' fī al-Sharī'ah al-Islāmiyyah*. Beirut: Mu'assasat al-Risālat
- Ahmad Ibrahim (1987), "Gifts Made During Death Illness Under Islamic Law", dalam JMCL, j. 14
- Ahmad Mohamed Ibrahim (1997), *Pentadbiran Undang-undang Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur: IKIM
- al-Khaṭīb, Muḥammad al-Sharbīnī (t.t), *Mughnī al-Muḥtāj*, j. 4. Beirut: Dār Iḥyā' al-Turāth al-'Arabiy
- Al-Mawardī, Abī al-Ḥasan 'Alī bin Muḥammad (2001), *Kitāb al-Aḥkām al-Sulṭāniyyat wa al-Wilāyat al-Dīniyyat*. Beirut: al-Maktabat al-'Aṣriyyat
- Mohd Radzali Masrum (2001), *Maksim dan Ungkapan Undang-undang*. Kuala Lumpur: DBP
- Muḥammad Salam Madkūr (1964), *Al-Qaḍā' fī al-Islām*. Kaherah: Matba'at Al 'Ālamīyyat
- Naziree b. Md. Yusof (2006), "Hibah dan Aplikasinya di Malaysia" dalam 2 ShLR
- Shams a-Dīn Aḥmad bin Qudir (2003), *Natā'ij al-Afkār fī Kasf al-Rumūz wa al-Asrār*, j. 9. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyat

## STATUT

- Perlembagaan Persekutuan
- Akta Bank Islam 1983 (Akta 276)
- Akta Takaful 1984 (Akta 312)
- Akta Pemegang Amanah 1949 (Akta 208)
- Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) (Akta 505) (Pindaan terkini - Akta A931, P.U.(A) 250/2002, P.U.(B) 77/00)
- Kanun Tanah Negara (Akta 56/1965)
- Enakmen Mahkamah Syariah (Kedah) (no. 4/1994)
- Enakmen Mahkamah Syariah (Terengganu) 2001 (no. 3/2001)
- Enakmen Mahkamah Syariah Negeri Sabah 2004 (no. 6/2004)

Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Johor) 2003 (no. 16/2003)  
Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Melaka) 2002 (no. 7/2002)  
Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Pulau Pinang) 2004 (no. 4/2004)  
Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Pulau Pinang) 2004 (no. 4/2004)  
Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 (no. 1/2003)  
Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Sembilan) (Pindaan) 2005 (no. 8/2005).  
Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) (Pindaan) 2005 (no. 6/2006).  
Enakmen Pentadbiran Mahkamah Syariah (Kelantan) (Pindaan) 1998 (no. 10/1998)  
Enakmen Pentadbiran Mahkamah Syariah 1991 (Perlis)(Pindaan) 1996 (no. 2/2000).  
Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam (Pahang)(Pindaan) 2001 (No. 5/2001)  
Enakmen Wakaf (Negeri Melaka) 2005 (no. 5/2005)  
Enakmen Wakaf (Negeri Selangor) 1999 (no. 7/1999)  
Enakmen Wakaf (Negeri Sembilan) 2005 (no. 5/2005)  
Enakmen Wasiat Orang Islam (Negeri Melaka) 2005 (no. 4/2005)  
Enakmen Wasiat Orang Islam (Negeri Sembilan) 2004 (no. 5/2004)  
Enakmen Wasiat Orang Islam (Selangor) 1999 (no. 4/1999)  
Enakmen Zakat dan Fitrah (Sabah) (Pindaan) 2003 (no. 4/2003)  
Ordinan Mahkamah Syariah 2001 (No. 42/2001)

## **KES**

Mohamed Habibullah bin Mahmood lwn Faridah binti Dato' Talib [1992] 2 MLJ 793  
Latifah bte Mat Zin v Rosmawati bte Sharibun & Anor [2006] 4 MLJ 705  
Latifah bte Mat Zin v Rosmawati bte Sharibun & Anor [2007] MLJ 101  
Noor Jahan Abdul Wahab lwn. Md. Yusoff Amanshah & Anor [2004] CLJ (ISL) 383  
TM Feroze Khan & Ors lwn Meera Hussain bin TM Mohamed Mydin [2006] 5 MLJ 217

Jumaaton dan Satu Lagi Lwn Raja Hizaruddin [1998] 6 MLJ 556  
Per Rosmawati binti Sharibun & Satu Lagi [2002] 4 AMR 4913  
Md Hakim Lee lwn Majlis Agama Islam, Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur  
[1998] 1 MLJ 681

### **TEMUBUAL**

Y.A.A Dato' Aria DiRaja Hj. Daud Muhammad, Ketua Hakim Syar'ie Negeri  
Kelantan pada 2 Jun 2008, pukul 8.30 am di Pejabat Ketua Hakim Syarie  
Kelantan

Y.A.A Dato' Ismail Yahya, Ketua Hakim Syar'ie Terengganu pada 3 Jun 2008,  
pukul 9.00 am, di Pejabat Ketua Hakim Syarie Terengganu

Tn. Hj. Abdul Aziz Hassan, Perunding Pusaka Islam di ZAR Perunding  
Pusaka, pada 17 April 2008 di ZAR Perunding Pusaka Sdn. Bhd.,  
Wangsa Maju.

